

Forum Halal Nestlé Martabatkan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Halal Global

PETALING JAYA, 3 November 2015 – Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka, Nestlé Malaysia telah mengadakan Forum Halal yang menekankan prospek kukuh Malaysia sebagai pemimpin dalam industri Halal global, buat julung kalinya pada hari ini.

Bertemakan ‘Malaysia, Pusat Kecemerlangan Halal: Pasaran Global Pesat Berkembang’, acara itu menyaksikan pihak berkepentingan industri dari sektor awam dan swasta turut serta dalam sesi penuh informasi ini. Dato’ Seri Jamil Bidin, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Industri Halal, atau Halal Development Corporation Sdn Bhd (HDC) merupakan penyampai ucap tama untuk forum ini.

Dato’ Seri Jamil Bidin berkata, “Pasaran Halal global sememangnya berkembang maju dengan peluang-peluang besar yang masih banyak belum diterokai. Industri yang berkembang pesat ini kini dianggarkan berjumlah RM8.4 trilion setahun, yang terdiri daripada kedua-dua sektor makanan dan bukan makanan. Sektor makanan Halal sahaja bernilai hampir RM2.5 trilion dan merupakan salah satu segmen yang paling pesat berkembang dalam industri makanan global.”

“Walaupun Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menyokong pembangunan industri Halal, penyertaan aktif oleh sektor swasta diperlukan untuk merealisasikan wawasan negara untuk menjadi hab Halal serantau dan global. Kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan adalah penting untuk terus memacu industri Halal Malaysia ke hadapan. Forum-forum seperti ini yang menggalakkan perkongsian ilmu dan kepakaran antara pihak berkepentingan seperti Nestlé Malaysia, JAKIM, HDC dan Puratos adalah penting dalam hasrat untuk merealisasikan wawasan kami.”

Nestlé Malaysia telah merintis piawaian Halal bagi Kumpulan Nestlé, dan merupakan syarikat makanan dan minuman pertama untuk mendapatkan sijil Halal di Malaysia apabila Kerajaan memperkenalkan sijil Halal pada 1994. Komitmen terhadap amalan Halal ini telah membawa Nestlé Malaysia ke tahap kejayaan yang dicapainya hari ini – sebagai pengeluar produk Halal terbesar dalam dunia Nestlé, yang mengeksport ke lebih 50 negara di seluruh dunia, termasuk Timur Tengah dan Oceania.

Nestlé Malaysia juga diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Halal syarikat tersebut, menyediakan garis panduan dasar, ilmu dan kepakaran tentang proses Halal kepada pasaran Nestlé lain. Kemudahan pengeluaran Nestlé di seluruh negara adalah 100% Halal, menghasilkan produk makanan Halal buatan Malaysia bagi pasaran tempatan dan juga eksport.

Encik Alois Hofbauer, Pengarah Urusan Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Ternyata prospek bagi industri makanan & minuman (F&B) Halal amat kukuh, dengan permintaan yang kian bertambah bagi produk Halal, baik di peringkat serantau mahupun global. Dengan berkongsi sumber, keupayaan teknikal dan amalan terbaik, kami berhasrat untuk menggalakkan pembangunan pembekal tempatan agar mereka dapat bersaing dalam persekitaran perniagaan global, yang seterusnya akan meningkatkan tahap piawaian industri F&B tempatan.”

“Berlandaskan falsafah kami untuk Menjana Nilai Bersama, Nestlé dengan ini amat menggalakkan perkongsian yang lestari. Bagi menyokong wawasan Kerajaan untuk memartabatkan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Halal Global, adalah penting bagi semua pihak berkepentingan untuk bekerjasama. Kami percaya inisiatif seperti Forum pada hari ini akan terus menyokong usaha tersebut, mengeratkan kerjasama seluruh industri dan membawa kita lebih hampir untuk mencapai matlamat ini,” rumus En. Hofbauer.

Antara pengisian forum tersebut termasuk ceramah dan pembentangan bermanfaat serta perbincangan panel membabitkan tokoh terkemuka industri Halal Malaysia. Mereka termasuk En. Mohd Fakarudin bin Mas’od, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), En. Wan Ahmad Sabree Wan Mohammad, Pengurus Perkhidmatan Pelanggan & Kawal Selia dan Pengerusi Halal Puratos Malaysia Sdn Bhd, dan pasukan Halal khas dari Nestlé Malaysia, iaitu En. Sariffuddin Mahmud, Pengurus Operasi Halal dan En. Othman Md. Yusoff, Ketua Hal Ehwal Halal, yang mengakhiri sesi dengan meninjau hala tuju industri pada masa hadapan.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my